

02 APR 2001

Khalid-penyelewengan

KEMENTERIAN PENERANGAN PERANGI PENYELEWENGAN FAKTA

KOTA BAHARU, 2 April (Bernama) -- Kementerian Penerangan sedang memerangi penyelewengan fakta yang dilakukan dalam pelbagai cara oleh banyak pihak dari dalam dan luar negara untuk menggugat perpaduan rakyat dan kemajuan negara.

Timbalan Menteri Penerangan Datuk Mohd Khalid Yunus berkata ada golongan yang menabur pelbagai dakyah dengan memberi gambaran yang tidak betul mengenai usaha kerajaan bagi membantu rakyat mempertingkatkan kesejahteraan hidup.

"Mereka menyerang kerajaan dengan cara memberikan maklumat-maklumat yang tidak betul tentang program-program yang dilakukan oleh kerajaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis penutup Hari Terbuka Radio Malaysia Kelantan di stesen Radio Televisyen Malaysia (RTM) di sini, semalam.

Khalid berkata akhbar dan majalah dari luar negara pula menulis pelbagai berita dan cerita yang kesemuanya tidak berdasarkan kepada fakta yang betul mengenai rakyat dan negara ini.

"Oleh kerana itu RTM akan cuba memerangi dakyah-dakyah ini melalui jentera yang ada baik melalui radio, televisyen dan Jabatan Penerangan, secara bersepadu," katanya.

Katanya, semua program itu dibuat secara bersepadu kerana ia amat penting bagi mencapai matlamat menyebarkan maklumat dan penerangan yang betul kepada rakyat.

Beliau bimbang sekiranya dakyah-dakyah itu berjaya mempengaruhi rakyat sudah pasti ia boleh membantutkan dan akhirnya menjejaskan usaha-usaha kerajaan untuk memajukan rakyat dan negara.

Katanya, antara usaha yang dilakukan melalui program RTM ialah memanjangkan waktu siaran Berita Perdana dari 45 minit ke 1 jam bagi memaparkan berita terkini bersama ulasannya.

Program lain ialah penyiaran drama-drama swasta yang memaparkan bahan-bahan yang boleh meningkatkan nilai-nilai ke arah kerjasama dan perpaduan di kalangan rakyat, katanya.

Katanya ada juga rancangan baru yang dibuat oleh syarikat pembekal drama swasta untuk RTM berbentuk dokumentari yang menonjolkan pelbagai corak kegiatan masyarakat dan program menonjolkan kisah-kisah sejarah yang boleh menjadi teladan kepada rakyat berbilang kaum.

Khalid berkata kementerianya juga sedang menggerakkan Kumpulan Pendengar, Penonton dan Pembaca (K3P) melalui perhimpunan antara pemimpin dan rakyat.

Beliau berkata perhimpunan K3P yang bertemakan "Rakyat Padu Negara Maju" itu telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada minggu lepas di Kampung Sungai Mulia, Gombak.

Beliau berkata perhimpunan K3P yang dirancang diadakan setiap bulan itu di seluruh negara akan memberi peluang kepada pemimpin bersama rakyat dalam pelbagai program yang boleh mengeratkan perpaduan.

Melalui program K3P itu, rakyat berpeluang mendapat maklumat termasuk dasar-dasar kerajaan dan kemajuan yang dicapai melalui pameran jabatan dan agensi kerajaan, katanya.

"Dengan cara ini kita harap dapat memberikan maklumat yang betul dan tepat kepada rakyat supaya mereka tidak terpedaya dengan maklumat-maklumat yang didatangkan oleh golongan-golongan yang cuba menjejaskan perpaduan di kalangan rakyat," katanya.

--BERNAMA
BD RI